



## SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH PENGHASILAN MAKALAH JURNAL

### ASAS ANUGERAH

Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal bertujuan memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang menghasilkan jurnal terutamanya penerbitan yang menyokong dalam bidang tujuhan Universiti.

### SYARAT PERMOHONAN

Berikut merupakan syarat permohonan bagi kategori Anugerah Penghasilan Makalah ini:

1. Permohonan terbuka kepada semua ahli akademik UTeM.
2. Pemohon mestilah merupakan **CORRESPONDING AUTHOR** atau **Penulis Utama**. Jika Penulis Utama adalah pelajar, staf akademik pertama yang tercatat sebagai penulis bersama dikira sebagai Penulis Utama adalah layak memohon. (Rujuk Jadual 1).
3. Sekiranya penulis pertama adalah pelajar, penyelia sebagai penulis kedua dikira sebagai penulis pertama. Penyelia kedua dan seterusnya dikira sebagai penulis berikutnya.
4. Artikel jurnal WAJIB mempunyai afiliasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan penghargaan (*Acknowledgement*) kepada UTeM seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Akademik bilangan 1 tahun 2018.
5. Pemohon WAJIB memuatnaik artikel yang diterbitkan ke dalam sistem URIS (*Modul Research Output*). Hanya artikel yang telah disahkan oleh pihak Perpustakaan Laman Hikmah sahaja yang layak memohon serta diambil kira.
6. Kertas kerja untuk prosiding dan semasa persidangan tidak diambil kira dalam penerbitan jurnal.
7. Semua penerbitan mestilah mematuhi etika penerbitan.

8. Sekiranya terdapat maklumat palsu, Jawatankuasa Panel Penilai Universiti berhak untuk menarik balik anugerah yang telah diberikan.
9. Pemohon yang sedang dalam prosiding tindakan tatatertib tidak layak untuk memohon.

### **PROSEDUR PERMOHONAN**

1. Permohonan perlu dibuat secara dalam talian melalui Sistem Permohonan AAU di dalam Sistem Maklumat Universiti (i@UTeM) sebelum tarikh tutup permohonan.
2. Borang permohonan yang lengkap (AAU06) berserta dokumen sokongan mesti di sediakan dalam bentuk satu (1) salinan keras (*hardcopy*).
3. Semua borang permohonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sah dan lengkap serta mengikut format yang ditetapkan (di cetak dan di jilidkan. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
4. Permohonan hendaklah dihantar ke CAES sebelum tarikh tutup permohonan.

### **KRITERIA PENILAIAN**

Kriteria penilaian bagi anugerah in mengambil kira jumlah penerbitan di dalam Jurnal berdasarkan kategori berikut:

- i. Jurnal Berindeks WOS/JCR (SCIE, SSCI)
- ii. Jurnal Berindeks SCOPUS
- iii. Jurnal Berindeks Selain ( i ) & (ii)
- iv. Jurnal Tidak Berindeks (UTeM)
- v. Jurnal Tidak Berindeks

## JADUAL 1

Bil	<i>Corresponding Author / Penulis Utama</i>	Kelayakan	Status Kategori Pemarkahan
1	pelajar*, staf	Staf layak memohon	Penulis Utama
2	pelajar, staf1, staf2, staf3, staf4*	Hanya staf4 layak memohon	<i>Corresponding Author</i>
3	pelajar, staf*	Staf layak memohon	<i>Corresponding Author</i>
4	Pelajar1, pelajar2*, staf	Staf Tidak layak memohon	Tidak Layak
5	staf1*, staf2*	Hanya staf1 layak memohon	<i>Corresponding Author</i>
6	staf, pelajar*	Staf layak memohon	Penulis Utama
7	i) pelajar, staf1, staf2 ii) staf1, staf2	Sekiranya <i>Corresponding Author</i> tidak dinyatakan, staf1 sahaja layak memohon	Penulis Utama
8	Staf penulis ketiga dan seterusnya	Sekiranya staf bukan <i>Corresponding Author</i> dan Penulis Utama	Penulis Berikutnya

\* adalah *Corresponding Author* atau penulis utama

## PROSEDUR PENILAIAN

- Penilaian akan dibuat dalam DUA (2) Peringkat iaitu:
  - Penilaian Pertama : Penilaian oleh Panel Penilai Peringkat Fakulti (PPPF).
  - Penilaian Kedua : Penilaian oleh Panel Penilai Teknikal (PPT).
- Hanya permohonan yang melepasi titik ambang penilaian PPPF sahaja akan dimajukan kepada penilaian PPT.
- Permohonan yang melepasi titik ambang panel penilai teknikal akan dimajukan ke Mesyuarat Panel Penilai Universiti bagi penentuan akhir penerima anugerah dan saguhati.

## NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Pengajaran adalah seperti berikut :

- Penerima Anugerah RM 4,000 (Ringgit Malaysia Empat Ribu Sahaja) beserta sebuah piala dan sijil penghargaan.**
- Sagu hati RM500.00 kepada 2 calon yang memperolehi markah tertinggi.
- Sijil penghargaan kepada semua pencalonan yang memasuki saringan akhir di peringkat Universiti.